



MALAYSIA BERSAMAMU

KEPUTUSAN

SENARAI PEMENANG
EMAS KONTINJEN
MALAYSIA



RENANG
BERIRAMA

Rutin bebas duet

ZYLANE LEE HYING HUEY-GAN HUA WEI



WUSHU

Jianshu lelaki- YEAP WAI KIN
Taijijian lelaki- LOH JACK CHANG
Nanquan wanita- DIANA BONG



RAGBI 7 SEBELAH
LELAKI



BOLA JARING



EQUESTRIAN

Kuda lasak individu- SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Kuda lasak berpasukan

SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, MOHD BULKHARI
ROZALI, MOHAMMAD FUAD HASHIM, MOHD
ADHWA EMBONG, AZIZATUL ASMA ABDULLAH



BOLING

Individu lelaki- MUHAMMAD RAFIQ ISMAIL

GRAFIK BH

KEDUDUKAN PINGAT

| NEGARA | 1 | 2 | 3 | JUMLAH |
|-------------|----|----|---|--------|
| MALAYSIA | 16 | 11 | 9 | 36 |
| Singapura | 5 | 8 | 7 | 20 |
| Thailand | 5 | 4 | 5 | 14 |
| Indonesia | 3 | 4 | 7 | 14 |
| Vietnam | 3 | 3 | 3 | 9 |
| Myanmar | 2 | 2 | 0 | 4 |
| Filipina | 1 | 2 | 2 | 5 |
| Laos | 0 | 1 | 1 | 2 |
| Brunei | 0 | 0 | 4 | 4 |
| Kemboja | 0 | 0 | 3 | 3 |
| Timor Leste | 0 | 0 | 0 | 0 |

GRAFIK BH

Skuad ragbi lelaki 7 sebelah
mengucapkan terima kasih kepada
penyokong yang datang memberi
sokongan selepas menewaskan
Singapura dalam aksi final, semalam.



Hari bersejarah buat ragbi negara

➔ Mudah baham
Singapura dalam
penentuan final

Oleh Fardy Bungga
dan Farah Azharie
bhsukan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Skuad ragbi tujuh sebelah negara mencatat sejarah apabila memenangi emas selepas menewaskan Singapura 22-7 pada aksi final di Stadium MBPJ, semalam.

Muhammad Azwan Zuwarei Mat

Zizi, Muhammad Zulhisham Rasli, Zulkiflee Azmi dan Mohamad Nur Azri Azmi masing-masing menyumbangkan satu try, manakala hanya satu conversion disempurnakan.

Kapten pasukan, Zulkiflee sebelum ini pernah membantu pasukan meraih perak dua tahun lalu di Singapura dan kelebihan di laman sendiri digunakan sepenuhnya untuk memastikan emas pada edisi kali ini.

"Singapura memberi saingan sangat tetapi pemain semuanya fokus

dan semangat juang menjadi teras di dalam diri kami kerana kami benar-benar mahu mendapatkan emas untuk negara," katanya.

Sebelum itu, Malaysia tewas 12-7 di tangan Thailand pada perlawanan pertama semalam yang menyaksikan pemain 24 tahun, Siddiq Jalil direhatkan kerana hidungnya patah.

Try tunggal negara dilakukan oleh Zulkiflee hasil pecutan solo dan conversion disempurnakan oleh Azwan.

Bukan hari ragbi wanita

Skuad kendalian Mohd Saizul Haffiz Md Noor itu bagaimanapun bangkit untuk membela Indonesia 75-0 dalam perlawanan round robin terakhir.

Muhamad Firdaus Tarmizi dan Azwan berpesta jaringan apabila masing-masing melakukan tiga try manakala Zulhisham menyumbang dua try.

Malaysia mendahului pusingan round robin dengan kelebihan dua try ke atas pemenang pingat gangsa 2015, Singapura yang berada di tangga kedua.

Thailand mencipta kejutan terbesar apabila menewaskan juara Sukan SEA 2015, Filipina 26-7 untuk meraih gangsa dalam penentuan

tempat ketiga. Sementara itu, skuad tujuh sebelah wanita turut mencatat sejarah apabila memenangi pingat gangsa selepas menewaskan Filipina 7-5 dalam penentuan tempat ketiga.


Siti Farhanita Maddin melakukan try tunggal buat negara dengan conversion disempurnakan Rozliana Mohd Ridwan di babak pertama.

Kapten skuad ragbi wanita, Normasyirah Zahari lega dengan kejayaan pasukan meraih penamat podium walaupun terlepas peluang ke final apabila tewas 22-0 kepada pemenang perak Sukan SEA 2015, Singapura.

"Kami diberi peluang untuk mara ke final tetapi ia bukan hari kami dan kami tewas kepada Singapura. Namun kami bangkit kerana kami benar-benar mahukan pingat dan sasarannya kami tercapai hari ini," katanya.

Skuad kendalian Nik Safuan Ismade Nik Man itu mencatat keputusan seri 5-5 menghadang Filipina pada saingan pertama hari kedua, dengan Dayang Manggie melakukan try tunggal di babak pertama.

Thailand dan Singapura mengulangi pertembungan final 2015 dengan Thailand sekali lagi menang emas apabila menewaskan lawannya 17-10.



MALAYSIA BERSAMAMU

[FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM / BH]



Pasukan ragbi wanita 7 sebelah meraikan kejayaan selepas memenangi pingat gangsa, semalam.

KUALA
LUMPUR
2017
SUKAN SEA KE-29
SUKAN PARA ASEAN KE-9

